



TAHNIAH Kumpulan Inovatif dan Kreatif AKAR, Perpustakaan Tun Dr. Ismail kerana menerima anugerah Emas semasa Pertandingan Konvensyen KIK Peringkat UiTM, 2016. - m/s 3...

Antara Menarik di Dalam



PRODUK INOVASI 2010 -2016
Perpustakaan Tun Dr Ismail
m/s 5



BERITA KAMPUS PASIR GUDANG
Perpustakaan Tun Dr Ismail
m/s 9



LAWATAN KETUA PUSTAKAWAN
Ke Perpustakaan Tun Dr Ismail
m/s 14

Aktiviti 2016

Perpustakaan Tun Dr. Ismail

Sesi Latihan : BLIS (BERNAMA Library Infolink Service)

Oleh : Mawar Noor binti Abdullah

PTDI dengan kerjasama Perkhidmatan Media dan Pangkalan Data (BERNAMA) Kuala Lumpur telah mengadakan satu sesi latihan penggunaan pangkalan data atas talian BLIS (BERNAMA Library Infolink Service). BLIS merupakan pangkalan data atas talian yang menyediakan perbagai maklumat seperti BERNAMA News, Archival News, Foreign News, Info Providers, Who's Who, Speeches, Sectoral Report, Databank serta Fact & Figures. Sesi latihan tersebut telah diadakan pada:-

Tarikh: 8 Mac 2016 (Selasa)

Masa: 2.30 - 5.00 petang

Tempat: Bilik IT, PTDI 2



Sambutan Maulidur Rasul 2016, Peringkat UiTM Cawangan Johor

Oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat

Sebagai rasa cinta kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, warga UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat telah mengadakan sambutan Maulidur Rasul pada 23 Januari 2016. Beberapa program telah diadakan antaranya pertandingan sepanduk, perarakan, menulis tulisan jawi, berzanji dan sesi ceramah. PTDI turut serta dalam program yang dilaksanakan dan hasil kerjasama semua, PTDI telah mendapat tempat pertama dalam pertandingan perarakan dan tempat kedua dalam pertandingan sepanduk. Semoga kecintaan kita kepada Rasulullah akan sentiasa subur dan sentiasa berselawat serta mengikut sunnah-sunnah Baginda.

